



KENYATAAN MEDIA

VIDEO DEMONSTRASI MESIN NYAHTOKSIN DARI DAGING AYAM MENGGUNAKAN KAEDAH OZON YANG TULAR DI MEDIA SOSIAL

17 OGOS 2017

1. Baru-baru ini, jabatan telah mengesan satu video tular di media sosial berkaitan dengan isu keselamatan daging ayam. Video ini memaparkan mesin nyahtoksin dari daging ayam menggunakan kaedah ozon.
2. Video ini telah menimbulkan persepsi negatif terhadap keselamatan daging ayam.
3. Demonstrasi ini juga menunjukkan bahawa daging ayam tersebut hanya selamat untuk dimakan setelah sisa-sisa tercemar ini dikeluarkan dari nya.
4. Buih yang terhasil adalah hasil tindakbalas kimia daripada ozone (O^3) yang bertindakbalas dengan molekul air dan bahan organik pada ayam lalu menjadi satu bahan tidak larut seperti yang digambarkan di dalam video. Proses ini merupakan salah satu kaedah sanitasi yang sering digunakan untuk pembersihan dan penulenan.
5. Pada keseluruhannya, ladang-ladang ayam di Malaysia sentiasa dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar di seluruh Malaysia melalui amalan perladangan yang baik di bawah skim persijilan MyGAP.
6. Pihak berkuasa Veterinar juga mengambil sampel-sampel secara berjadual untuk dianalisa di peringkat ladang dan loji pemprosesan bagi memastikan produk ayam adalah selamat untuk dimakan.
7. Dakwaan dalam video tersebut tidak dapat dibuktikan kesahihannya dan dibuat semata-mata untuk tujuan pemasaran produk ozonizer tersebut secara jualan langsung.
8. Orang awam dinasihati supaya tidak mudah mempercayai kenyataan seperti yang didakwa. Sebarang keraguan sila rujuk kepada pihak DVS.

Disediakan:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

17 Ogos 2017.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

17 OGOS 2017